

LITAR BATU TIGA

Oleh Nurzuliana Kamaruzaman

Gelanggang Lumba Kereta Batu 3 atau dikenali sebagai Litar Batu Tiga diibaratkan seperti sebuah model perkembangan dan kemajuan sukan permotoran negara. Litar lumba bertaraf dunia ini telah direka khas dan mula digunakan untuk perlumbaan pada tahun 1968. Kini, litar ini hanya menjadi sejarah dan kenangan buat semua pencinta dunia sukan permotoran negara.

Umum mengetahui, sukan permotoran merupakan sebuah acara sukan yang menggunakan kenderaan bermotor bagi tujuan perlumbaan. Lazimnya, kenderaan yang digunakan bagi sukan permotoran termasuklah kereta dan motosikal yang telah direka khas untuk tujuan perlumbaan. Pasti-pasti pembinaan trek atau litar lumba juga perlu direka mengikut spesifikasi sesebuah litar perlumbaan yang hebat, mencabar dan bertaraf dunia.

Litar Batu Tiga telah menjadi titik awal kepada sejarah perkembangan sukan permotoran negara. Mungkin bagi sesetengah warga, Litar Batu Tiga ini tidak memberikan sebarang makna. Namun begitu, bagi penggemar sukan permotoran terutamanya pada era tahun 1980-an dan tahun 1990-an, litar ini mampu mengimbuai seribu satu nostalgia.

Gelanggang lumba kereta yang terletak di Jalan Kelang Selangor ini telah dibuka untuk penggemar sukan permotoran pada awal tahun 1968. Litar sepanjang 3.5 kilometer (km) di atas tanah yang berkeluasan 143 ekar ini direka dengan memiliki 14 selekoh (sembilan selekoh kanan dan lima selekoh kiri) dan dilengkapi dengan *back straight* sepanjang 900 meter yang memudahkan para pelumba mencecah kelajuan sehingga 190km/j.

Hasil reka litar tersebut telah menjadikannya sebagai sebuah litar terbaik di Asia Tenggara, dan kedua terbaik di Asia selepas litar lumba di Jepun. Dengan




Kelab Sukan Motor Malaysia.

kedudukan tersebut, Litar Batu Tiga telah menjadi antara litar lumba yang terbaik di dunia.

Pada 7 September 1968, Grand Prix Malaysia Pertama telah berlangsung di Gelanggang Lumba Kereta Batu 3. Temasya Grand Prix yang berlangsung selama dua hari itu yang pertama kalinya diacarakan secara besar-besaran dan diangkat sebagai acara peringkat antarabangsa. Temasya anjuran Kelab Sukan Motor Malaysia ini telah memperuntukkan perbelanjaan sebanyak \$150,000.00. Sebanyak \$40,000.00 pula diperoleh daripada sumbangan beberapa buah syarikat swasta. Sumbangan ini telah digunakan sebagai peruntukan wang hadiah kepada para pelumba yang berjaya.

Sebanyak 180 penunggang motosikal dan pemandu kereta telah menyertai Temasya Grand Prix Malaysia Pertama ini. Ternyata penyertaan yang diterima amat memberangsangkan dan terdapat juga di antara pelumba yang menyertai acara ini terdiri daripada pelumba antarabangsa yang pernah menyanggah beberapa gelaran dalam Grand Prix di luar negara. Di antara pelumba yang berjaya mendapat tempat pertama



Perlumbaan kereta di Litar Batu Tiga pada tahun 1968.



Gelanggang Lumba, Litar Batu Tiga.

dalam acara perlumbaan yang diadakan di Temasya Grand Prix Malaysia Pertama ini ialah:

- i) Steve Harvey (Australia): Acara kereta Saloon, 30 pusingan, sejauh 63.3 batu dengan catatan masa 15 minit 36.2 saat.
- ii) P. Watson (Malaysia): Acara kereta Saloon GT dan sport, 10 pusingan, sejauh 21.1 batu dengan catatan masa 18 minit 50.8 saat.
- iii) Rodney Seow (Singapura): Acara kereta sport dan GT, 20 pusingan, sejauh 42.2 batu, dengan catatan masa

32 minit 58.7 saat.

- iv) Hengky Iriawan (Indonesia): Acara perlumbaan kereta sebanyak 75 pusingan sejauh 158.2 batu, dengan catatan masa 2 jam 23.2 minit.
- v) Akiyasu Matohashi (Jepun): Acara perlumbaan motosikal 101-125 cc sebanyak 15 pusingan dan acara perlumbaan motosikal 126-250 cc sebanyak 75 pusingan.
- vi) Goh Ah Huat (Malaysia): Acara perlumbaan motosikal 100 cc ke bawah sebanyak 10 pusingan dengan catatan masa 20 minit 37 saat.

Selepas kejayaan negara dalam penganjuran Temasya Grand Prix Malaysia Pertama ini, Litar Batu Tiga sering mendapat tempat dalam penganjuran pertandingan sukan permotoran bertaraf dunia. Antara acara perlumbaan yang pernah dianjurkan di Litar Batu Tiga ini adalah seperti yang berikut:

- i) Pertandingan Lumba Kereta Piala Tunku Abdul Rahman (1967)
- ii) 1st Selangor Circuit Races (1968)
- iii) 2nd Selangor Circuit Races (1969)
- iv) Grand Prix International (1969)
- v) National Open Championships (1969)

- vi) Selangor Grand Prix (1970)
- vii) 1970 Malaysian Grand Prix
- viii) 1970 National Open Championships
- ix) Selangor Grand Prix 1971

Selain menjadi gelanggang lumba sukan permotoran, litar ini juga telah menjadi sebahagian dari tempat riadah dan hiburan keluarga. Pada awal kewujudannya, Litar Batu Tiga telah menjadi tarikan baharu kepada masyarakat sekeliling bagi menyaksikan perlumbaan kereta dan motosikal ketika itu. Terdapat juga pengunjung yang datang hanya untuk bersiar-siar di sekitar kawasan litar dan melakukan aktiviti riadah bersama-sama keluarga pada hujung minggu.

Selepas 35 tahun Litar Batu Tiga "mencecah" kegemilangannya pada tahun 2003, litar ini telah ditutup dan digantikan dengan projek perumahan. Walau bagaimanapun, melihat kepada perkembangan sukan permotoran tanah air yang semakin maju dan membanggakan, kerajaan telah membina Litar Pasir Gudang pada tahun 1998 dan Litar Antarabangsa Sepang pada tahun 1999 bagi menggantikan kegemilangan Litar Batu Tiga. ds



Pertandingan lumba motosikal di Litar Batu Tiga.

PERISTIWA BERSEJARAH BULAN JULAI



16 Julai

DYMM Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ahmad Shah Al-Musta'in Billah Ibnu Almarhum Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Mu'adzam Shah, berkenan menyampaikan watakah pelantikan kepada Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri Malaysia ke-4.

1981



17 Julai

YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad merasmikan pembukaan Taman Malaysia Mini dan Istana Kesultanan Melayu Melaka.

1986



8 Julai

DYMM Raja Permaisuri Perak, Tuanku Bainun binti Mohd Ali berkenan merasmikan dan memasyhurkan nama Sekolah Menengah Raja Permaisuri Bainun, Ipoh, Perak. Nama asal sekolah ini ialah Sekolah Menengah Manjoi.

1987



13 Julai

YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad merasmikan Asrama Semai Bakti di Kelana Jaya yang dibangunkan bagi kemudahan anak-anak peneroka yang keluar dari kawasan FELDA untuk menyambung pelajaran di bandar.


1990




25 Julai

Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Megat Junid Megat Ayob, merasmikan Persidangan Ketua-ketua Polis ASEAN ke-10 di Kuala Lumpur. Persidangan diadakan untuk meningkatkan kerjasama antara negara Asean dalam tindakan undang-undang.

1990



Litar Antarabangsa Sepang.



Litar Pasir Gudang.



Pertandingan Lumba Kereta
Piala Tunku Abdul Rahman
pada tahun 1967.



**INSTITUT
KEFAHAMAN
ISLAM
MALAYSIA
(IKIM)**



21 Julai

Sultan Terengganu, Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah berkenan mencemarduli merasmikan Persidangan Ulama Asean yang pertama bertempat di Kuala Terengganu.



27 Julai

Tanjung Piai diumumkan sebagai mercu tanda baharu sektor pelancongan berdasarkan kedudukannya sebagai dataran penghujung Benua Asia. Pengumuman tersebut dibuat oleh YAB Menteri Besar Johor, Dato' Haji Abdul Ghani Othman.



12 Julai

YAB Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi melancarkan Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan Kaum (RIMUP) di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Chung Hua, Mantin, Negeri Sembilan.



30 Julai

YAB Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi melancarkan Rangka Tindakan Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCR) di Alor Setar, Kedah.

1992

1992

1999

2005

2007